Bayi mati lemas selepas dibungkus di dalam beg plastik, disorok dalam mesin basuh

Gadis sumbat bayi dalam mesin basuh

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

JELI – Seorang gadis bertindak kejam apabila melemaskan bayi yang baru dilahirkannya sehingga mati dengan membungkus bayi itu ke dalam beg plastik sebelum menyumbatnya di dalam sebuah mesin basuh di rumahnya di Kampung Bukit Lakota di sini kelmarin.

Perbuatan gadis berusia 23 tahun itu bocor sewaktu polis menggeledah rumahnya semalam, selepas dia mendapatkan rawatan di Hospital Jeli kelmarin kerana mengadu kepada ibunya yang dia sakit perut.

Ketua Polis Daerah Jeli, Deputi Superintendan Yusoff Jaafar berkata, gadis yang bekerja sebagai pembantu kedai runcit tersebut melahirkan bayi perempuan seberat 2.3 kilogram pada pukul 7.30 malam kelmarin di dalam bilik di rumahnya secara bersendirian.

Katanya, bayi tersebut dipercayai masih hidup sewaktu dilahirkan.

"Gadis yang belum berkahwin itu mendakwa, akibat panik dia membungkus anaknya di dalam beg plastik pembungkus sabun basuh, sebelum menyorokkan bungkusan tersebut di dalam sebuah mesin basuh rosak di rumahnya.

"Gadis itu turut mendakwa perbuatan itu didorong selepas melihat keadaan bayi tersebut yang tidak bergerak dan menangis. Dia kemudian menyangka bayi itu sudah meninggal dunia, selain bimbang kelahiran bayi itu akan diketahui keluarganya," kata Yusoff.

Katanya, selepas mendapatkan rawatan di Hospital Jeli, pemeriksaan terhadap gadis berkenaan mendapati dia mengalami luka pada pangkal rahim akibat pendarahan yang teruk ketika proses kelahiran.

"Gadis itu kemudian telah memaklumkan pada doktor bahawa dia telah melahirkan bayi semalam (kelmarin) selepas terlanjur dengan kekasihnya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*.

Yusoff berkata, hasil pemeriksaan di rumah gadis itu, polis telah menjumpai mayat bayi di dalam plastik sabun yang diikat dengan getah di dalam mesin basuh yang diletakkan di dalam bilik stor di bahagian dapur rumah berkenaan.

Katanya, mayat bayi yang masih bertali pusat berkenaan kemudian dihantar ke Hospital Jeli untuk bedah siasat dan wanita itu pula dirawat di hospital sama.

Ujarnya, kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dan sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

MAYAT bayi perempuan yang diletakkan di dalam plastik bungkusan sabun dan disumbat ke dalam mesin basuh ditemui di Jeli semalam.



PIHAK Hospital Jeli membuat laporan polis selepas gadis yang membuang bayinya di dalam mesin basuh mendapatkan rawatan di hospital berkenaan kelmarin.

CONTOH mesin basuh yang digunakan seorang gadis untuk menyumbat bayi yang baru dilahirkannya.

LAPORAN polis dan beg plastik sabun basuh yang digunakan suspek untuk menyorokkan anaknya.

INFO Kes buang bayi

18 Mei 2015 - Empat pekerja kontraktor yang melakukan kerja pembersihan pada perangkap sampah di loji mengumpul sisa kumbahan di Projek Perumahan Rakyat Kempas Permai, Johor Bahru terkejut apabila menemui 15 cebisan anggota badan seorang bayi yang dikerat-kerat sebelum dibuang ke loji itu.

20 Mac 2015 - Seorang ibu bertindak kejam memasukkan bayi yang baru lahir ke dalam beg kain sebelum disumbat ke dalam tin biskut bagi menyembunyikan kelahirannya di sebuah asrama di Sungai Petani, Kedah.

21 November 2014 - Polis menemui mayat bayi cukup sifat ditanam hidup-hidup di ladang kelapa sawit Kampung Gumut Tambahan, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

15 Ogos 2014 - Mayat bayi cukup sifat dan masih bertali pusat ditemui dalam longkang di belakang deretan rumah teres di Taman Sungai Pelek, Sepang, Selangor.

Bayi dikerat 15
dijadikan sisa kumbahan

KERATAN *Kosmo!* 19 Mei 2015.